

Gerakan tidak pernah bantah — Keng Yaik

MELAKA 25 Ogos — Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) tidak pernah membantah rancangan kerajaan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik kerana faham rancangan itu demi kebaikan rakyat.

Presidennya, Datuk Seri Lim Keng Yaik berkata, parti itu yakin akan ada satu penyelesaian bijaksana diambil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memastikan pelaksanaan dasar baru pendidikan itu direalisasikan, tahun depan.

Menurutnya, Gerakan yakin rancangan itu akan dilaksanakan pada tahun depan tanpa menghadapi sebarang masalah.

“Gerakan tidak sekali-kali membantah atau tidak bersetuju dengan pelaksanaan itu. Isu yang timbul ialah salah faham sebuah

akhbar berbahasa Inggeris terhadap kenyataan saya baru-baru ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Gerakan negeri, di sini hari ini.

Keng Yaik berkata, satu kaedah yang terbaik akan diambil bagi memastikan pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik mencapai objektif iaitu meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.